

# RM1.6 juta dilarikan polis

Oleh **NURAINA HANIS**  
**ABD. HALIM**  
hanis.halim@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan siasatan terperinci berhubung wang rampasan RM1.6 juta dipercayai dilarikan enam anggota polis termasuk dua pegawai kanan berpangkat Asisten Superintenden dalam sebuah rumah di Jinjang dekat sini, 12 November lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, kesemua mereka kini ditahan bagi membantu siasatan kes tersebut.

Jelasnya, siasatan di bawah Kanun Keseksaan untuk pendakwaan di mahkamah dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

"Mereka disiasat di bawah Seksyen 380 kerana mencuri dan Seksyen 384 atas kesalahan peras ugut.

"Saya juga telah mengarahkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk siasatan dalaman kerana tindakan tata-tertib," katanya ketika dihubungi

di sini semalam.

Enam anggota dan pegawai polis dari sebuah ibu pejabat polis daerah (IPD) di Kuala Lumpur ditahan selepas dipercayai melarikan wang tunai berjumlah RM1.6 juta milik warga China ketika melakukan serbuan di sebuah rumah di Jinjang dekat sini.

Menurut sumber, semuanya bermula apabila pasukan daripada Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD terbabit mendapat maklumat berkaitan kes penipuan sebelum melakukan serbuan di premis berkenaan.

Jelasnya, ketika serbuan, wang tunai ditemukan dan rampasnya namun penemuan wang tunai RM1.6 juta itu tidak dilaporkan.

"Malah, warga China terbabit juga tidak ditahan dan pasukan polis terbabit dipercayai melarikan wang tunai milik mangsa.

"Mangsa mula mengesyaki dan tidak berpuas hati dengan perkara itu kemudiannya tampil membuat laporan polis, Selasa lalu," katanya.

Mengulas lanjut, sumber

berkata, polis berjaya menahan seorang pegawai kanan berpangkat Asisten Superintenden dipercayai ketua serbuan berkenaan dan beberapa anggota lain-lain pangkat.

"Sebahagian wang tunai yang dilarikan pegawai dan anggota berkenaan dijumpai di rumah masing-masing namun hanya RM500,000 ditemukan.

"Polis sedang mengesan baki wang tunai yang dilarikan kumpulan polis terbabit," katanya.

**ABDUL  
HAMID  
BADOR**

